

Headline	Misi hidup mati Thunderbolts		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	31	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	115 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,498
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,495



Misi hidup mati Thunderbolts

KUALA LUMPUR - Perlawanan akhir Liga Hoki Remaja Malaysia (MJHL) esok ibarat pertemuan hidup mati buat pasukan Thunderbolts untuk mempertahankan kejuaraan apabila menentang pencabar utama UniKL Young Guns.

Ini kerana Thunderbolts yang ketika ini berada di tangga kedua berkongsi 15 mata dengan pasukan di tangga ketiga UniKL Young Guns sekali gus menjanjikan aksi mendebarkan buat kedua-dua pasukan.

Seandainya menang, Thunderbolts yang berada di belakang pendahulu MBPJ ketika ini dengan perbezaan tiga mata boleh dinobatkan selaku juara menerusi kelebihan jaringan dimiliki tambahan pula esok tiada perlawanan melibatkan MBPJ yang telah melengkapkan tujuh saingan liga.

Sebaliknya, jika juara bertahan itu kecundang maka Thunderbolts terpaksa melepaskan gelaran kepada UniKL Young Guns.

Jurulatih Thunderbolts, Wan Mohd. Roslan Wan Abdul Rahman berkata, perlawanan kali ini amat penting buat pasukan dan mereka tiada pilihan selain perlu menang ke atas

UniKL Young Guns.

“Pasukan lawan (UniKL Young Guns) juga mempunyai impian sama seperti kami dan kedua-dua pasukan mempunyai peluang namun jika seri MBPJ akan menjadi juara.

“Cuma kami perlu berhati-hati dengan jentera serangan UniKL Young Guns yang begitu laju dan jika kelebihan pasukan lawan itu dapat di atasi pasti tidak mustahil untuk kami mempertahankan kejuaraan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Perlawanan ini juga adalah kali pertama kedua-dua pasukan berhadapan situasi sebegini iaitu terpaksa merebut gelaran melalui tiga mata kemenangan kerana sebelum ini hanya kelebihan jaringan menjadi penentu kepada kejuaraan buat Thunderbolts dan UniKL Young Guns.

Sementara itu, Wan Mohd. Roslan berkata, pemain penyerangnya Muhammad Shahril Saabah akan menjadi sandaran utama Thunderbolts bagi meraih kemenangan.